

Pelaksanaan BI di SJKC mungkin babit sesi kelas tambahan

24 OCT 2002

PUTRAJAYA 23 Okt. — Kaedah pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mungkin akan membabitkan sesi kelas tambahan di luar waktu persekolahan.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, kaedah itu adalah antara pendekatan yang akan dibincangkan dengan kesemua empat parti komponen Cina dalam Barisan Nasional (BN) bagi membolehkan dasar pendidikan baru itu tetap dilaksanakan di SJKC.

Menurut beliau, kesemua parti tersebut akan mendapatkan nasihat daripada pakar akademik dan profesional termasuk guru besar sekolah berhubung kaedah itu.

"Bahasa penghantar yang akan digunakan (di SJKC) untuk Sains dan Matematik ialah Mandarin. Tetapi kalau kita boleh cari jalan untuk mengadakan kelas tambahan, maka kita dapat memperkukuhkan bahasa Inggeris juga. Kita lihat nanti apakah nasihat yang diberi oleh pakar-pakar," katanya.

Liong Sik menyatakan demikian kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kelima-lima parti itu yang diketuai oleh MCA diberi tempoh seminggu untuk mengemukakan pendekatan bagi pelaksanaan mata pelajaran berkenaan dalam bahasa itu di SJKC.

Dr. Mahathir berkata, tempoh itu diberikan bagi membolehkan parti-parti itu berunding dengan pertubuhan-pertubuhan Cina mengenai pengubahsuaian yang diperlukan untuk sekolah tersebut.

Selain MCA, parti berkenaan ialah Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

Mengulas lanjut, Liong Sik berkata, tempoh tersebut adalah

amat mencukupi untuk mereka berunding bagi merumuskan dan menghalusi pendekatan terbaik untuk melaksanakan dasar itu.

"Kita akan bermesyuarat dan cuba menyelesaikan ini melalui idea yang dikemukakan, kita juga akan menemui dan berunding dengan golongan profesional mengenai idea itu," katanya tanpa menyatakan tarikh mesyuarat itu.

Katanya, sebarang pendekatan yang dikemukakan nanti juga tidak membabitkan pertubuhan-pertubuhan Cina kerana keputusan itu dibuat berdasarkan penyiasatan keempat-empat parti itu.

"Ini adalah keputusan BN sebagai satu keluarga dan secara berkaitan. Kita mampu membuat keputusan dengan berkesan," katanya.

Katanya, keputusan itu juga tidak akan dirunding dengan terperinci mengikut pandangan media massa bagi mengelakkan ia dipolitikkan dan boleh membangkitkan emosi orang ramai.

"Sekarang tak nak runding ini di hadapan pihak media, kita hanya tumpu pada satu subjek dan butir-butirnya kita akan putuskan," katanya.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad ketika ditemui di kementerianannya, enggan mengulas sama ada pihaknya bersetuju untuk membenarkan penggunaan dwibahasa dalam pengajaran Sains dan Matematik seperti mana dicadangkan oleh Liong Sik itu.

"Saya tidak boleh membuat sebarang ulasan tentang perkara itu," katanya.

Beliau berkata, keputusan muktamad akan ditentukan oleh Kabinet.

"Hari ini kabinet tidak membincangkan perkara ini. Itu mungkin pandangan peribadi beliau," katanya.